

## KERJA SEBAGAI IBADAH

الْحَمْدُ لِلَّهِ نَحْمَدُهُ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ. وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنْفُسِنَا وَمِنْ سَيِّئَاتِ  
أَعْمَالِنَا. مَنْ يَهْدِهِ اللَّهُ فَلَا مُضِلَّ لَهُ وَمَنْ يُضِلِّ فَلَا هَادِيَ لَهُ.  
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ  
وَرَسُولَهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.  
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ وَ أَوْصِيكُمْ وَآيَايَ بِتَقْوَى اللَّهِ، فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Marilah kita bersama-sama meningkatkan ketakwaan kepada Allah Subhanahu wa-Taala dengan melaksanakan segala perintah dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita diberkati dan diredhai oleh Allah Subhanahu wa-Taala di dunia dan akhirat.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu Wa-Taala,

Islam menuntut umatnya supaya bekerja dengan bersungguh-sungguh untuk mencari rezeki yang bersih lagi halal demi kesejahteraan diri, keluarga, masyarakat dan negara. Islam melarang umatnya yang tidak bertanggungjawab, malas bekerja, menipu atau menyeleweng dalam pekerjaannya. Namun persoalan besar timbul, adakah kerja yang kita lakukan selama ini bertepatan dengan syariat Islam? Adakah kita sentiasa melaksanakan tanggungjawab dengan sempurna serta menyelesaikan tugas dengan sebaik mungkin? Adakah kita telah menjauhkan diri daripada sebarang bentuk penipuan, penyelewengan dan seumpamanya?

Ingatlah, semua perkara yang kita lakukan dalam dunia ini adalah ibadah dan perhambaan kepada Allah Subhanahu wa-Taala sebagaimana firman-Nya dalam surah az-Zariyat ayat 56:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ  
وَمَا خَلَقْتُ الْجِنَّ وَالْإِنْسَ إِلَّا لِيَعْبُدُونِ ﴿٥٦﴾

Yang bermaksud: *“Dan Aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan supaya mereka menyembah-Ku.”*

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu Wa-Taala,

Profesor Dr. Yusof Al-Qaradhawi dalam menghuraikan mengenai konsep kerja sebagai ibadah telah menetapkan lima syarat utama yang wajib dipatuhi bagi melayakkan kerja kita tergolong sebagai ibadah. Syaratnya adalah setiap kerja yang dilakukan itu mestilah tidak bercanggah dengan syariat Islam. Setiap kerja yang halal itu mestilah dilaksanakan dengan niat yang ikhlas iaitu menjalankan tugas sebagai khalifah di muka bumi Allah Subhanahu wa-Taala. Kerja itu juga mestilah dilaksanakan dengan penuh kesungguhan (iltizam) dan dengan kemampuan yang terbaik serta kerja itu hendaklah sentiasa menurut ketetapan syarak.

Sifat amanah merupakan asas kepada setiap pekerjaan. Tanpa memiliki sifat ini, pelbagai penyelewengan akan mudah berlaku. Apabila kita beramanah, kita tidak akan mengabaikan apa sahaja tanggungjawab yang diamanahkan, tidak mengkhianati majikan malah tidak menyalahgunakan kepercayaan yang diberikan.

Pekerja yang baik dan tekun mampu mempamerkan kerja dengan sempurna dan sentiasa membaiki mutu kerjayanya dari semasa ke semasa. Hadis yang diriwayatkan oleh Imam Al-Baihaqi Rahimahullah bahawa Rasulullah Sallallahu Alaihi Wa-Sallam bersabda:

إِنَّ اللَّهَ تَعَالَى يُحِبُّ إِذَا عَمِلَ أَحَدُكُمْ عَمَلًا أَنْ يُتِقِنَهُ

Yang bermaksud: “*Sesungguhnya Allah Subhanahu Wa-Taala mengasihi seseorang yang apabila melakukan sesuatu kerja, dia melakukannya dengan tekun.*”

Hari ini kita dapati pekerja-pekerja asing menguasai pelbagai bidang pekerjaan di negara kita seperti sektor pembinaan, pertanian, perkilangan, keselamatan dan lain-lain. Mereka lebih dipercayai kerana sikap kesungguhan dan berdisiplin dalam pekerjaan. Terdapat sebahagian anak-anak muda kita tidak mempunyai pekerjaan dan tidak mahu bekerja sedangkan peluang pekerjaan sentiasa terbuka untuk mereka. Sebahagian daripada mereka mempunyai pekerjaan tetapi tidak bersungguh-sungguh dan berdisiplin dalam pekerjaan seperti datang kerja lewat, ponteng dan tidak amanah. Ini adalah sikap negatif yang perlu diubah.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu Wa-Taala,

Islam mementingkan setiap umatnya mempunyai akhlak yang baik dan amanah dalam pekerjaan. Maka dengan itu, janganlah kita memikirkan wang semata-mata dan mengeluh serta mempersoalkan gaji yang diterima tidak setimpal

dengan kerja dan jawatan yang dipegang. Lebih berat lagi, ada dalam kalangan kita yang mengambil kesempatan melakukan kerja di luar bidang tugas, sehingga mengabaikan kerja hakiki yang dipegang hanya semata-mata kerana wang. Ingatlah! Islam amat menuntut umatnya agar melaksanakan kerja dengan penuh amanah kerana setiap punca rezeki akan dipersoalkan di akhirat kelak.

Ingatlah! Dalam kesibukan kita melaksanakan tanggungjawab bekerja tidak boleh menjadi alasan untuk meninggalkan kewajipan kepada Allah Subhanahu Wa-Taala. Ramai yang meninggalkan solat fardu lima waktu dan solat Jumaat semata-mata kerana kerja. Yakinlah bahawa Allah Subhanahu Wa-Taala tidak akan memberkati pekerjaan yang kita lakukan disebabkan oleh kecuaiian dalam melaksanakan perintah-Nya.

Tunjukkan akhlak yang mulia kepada rakan sekerja dan orang awam sewaktu menjalankan tugas. Janganlah menjadikan jawatan dan pangkat yang kita perolehi sebagai tiket untuk kita memaki hamun atau mengherdik pekerja bawahan. Sebaliknya berhemahlah dalam menegur dan menasihati mereka. Bekerjalah dengan rajin dan hormatilah pegawai atau yang berjawatan lebih tinggi supaya suasana di tempat kerja akan menjadi harmoni.

Sekiranya perkara-perkara ini ditepati, barulah ia dikatakan kerja sebagai ibadah dan diganjar pahala di sisi Allah Subhanahu Wa-Taala.

Firman Allah Subhanahu wa-Taala dalam surah al-Nahl ayat 114:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

فَكُلُوا مِمَّا رَزَقَكُمُ اللَّهُ حَلَالًا طَيِّبًا وَأَشْكُرُوا نِعْمَتَ اللَّهِ إِنْ كُنْتُمْ

إِيَّاهُ تَعْبُدُونَ ﴿١١٤﴾

Yang bermaksud: “Oleh itu (wahai orang yang beriman) makanlah dari apa yang telah dikurniakan Allah kepada kamu dari benda-benda yang halal lagi baik dan syukurilah nikmat Allah, jika kamu hanya menyembah kepada-Nya semata-mata”.

بَارَكَ اللَّهُ لِيْ وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ،  
وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ، أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِيْ  
وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ فَيَا فَوْزَ الْمُسْتَغْفِرِينَ  
وَيَا نَجَاةَ التَّائِبِينَ